

Fountain of KNOWLEDGE

ISSN No. 1675-1183

Volume
57

APRIL - JUNE 2013

Pustaka Negeri Sarawak-Pustaka Miri-State Record Repository



COMMEMORATING MIRI MAY FEST 2013 WITH A RECORD FOR THE LONGEST PHILATELY LINE IN MALAYSIA

03



PROGRAM LAN BERAMBEB DI KAMPUNG MELAYU TEBAKANG

05



SAMBUTAN MENGGALAKKAN DI TAPAK PAMERAN PUSTAKA SEMPERNA HARI HARTA INTELEK NEGARA 2013

08



SCIENCE, MATHEMATICS AND TECHNOLOGY WEEK AT PUSTAKA MIRI

10

Like us on
 [pustaka.sarawak](https://www.facebook.com/pustaka.sarawak)

Follow us on
 [pustakoswk](https://twitter.com/pustakoswk)

EDITORIAL COMMITTEE

ADVISOR

Japri Bujang Masli

EDITOR-IN-CHIEF

Nesly Rebid

COMMITTEE MEMBERS

Alya Faeqah Hamali
Sofina Tan Sofian Tan
Norzihan Abdullah
Laurena Aloh
Edison Ricket
Bronny Lawrence Nawe

This Newsletter is published quarterly by



Pustaka Negeri Sarawak

Jalan Pustaka, Off Jalan Stadium
93050 Kuching, Sarawak
Malaysia

Tel : 6 082 442000
Fax : 6 082 449944
Email : librarian@sarawak.gov.my

copyright©2011, Pustaka Negeri Sarawak



www.pustaka-sarawak.com



Message From The CHIEF EXECUTIVE OFFICER

Assalamualaikum w.b.t,

Tarikh 25 Mei 2013 merupakan tarikh bersejarah buat Pustaka Negeri Sarawak. Pada tarikh inilah Barisan Filateli Terpanjang 2013 telah berjaya dicapai di Dewan Suarah Miri serta mencipta rekod baru dalam *Malaysia Book of Records* (MBR). Ukuran barisan filateli yang telah berjaya dicapai ialah sepanjang 696.89 meter dan membabitkan sebanyak 28,613 keping setem, sampul surat dan poskad.

Mungkin ada yang tertanya-tanya kenapa Pustaka memilih filateli sebagai cabaran untuk catatan rekod baru dan apakah kepentingan bidang filateli bagi sesebuah komuniti dan perpustakaan khususnya. Pustaka telah bekerjasama dengan Encik Lucas Johnny semenjak tahun 2003 bagi penganjuran pelbagai program dan nama beliau begitu sinonim dengan pameran koleksi antik. Beliau telah beberapa kali mengadakan pameran setem atau filateli dan idea untuk rekod ini adalah cadangan beliau sendiri. Pustaka juga telah mendapatkan kerjasama dan sokongan padu daripada pihak Majlis Bandaraya Miri untuk merealisasikan idea tersebut. Selain daripada acara mencipta rekod Barisan Filateli Terpanjang, Encik Lucas juga telah mempamerkan koleksi filateli beliau di Pustaka Miri sejak bulan Mei 2013 yang lalu.

Pameran tersebut dapat menggalakkan masyarakat untuk menjadikan pengumpulan setem sebagai satu hobi. Ianya bukanlah satu hobi yang ketinggalan zaman kerana banyak faedah yang boleh diperolehi seperti mengisi masa yang terluang sambil berbincang dan bertukar-tukar koleksi setem serta berpeluang untuk berinteraksi dengan rakan-rakan baru yang mempunyai minat yang sama. Banyak informasi yang boleh diperolehi daripada mengkaji setem selain dapat mengurangkan tahap stres atau tekanan kerana kesannya yang menenangkan.

Acara catatan rekod pada bulan Mei yang lalu telah membuktikan bahawa hobi filateli masih lagi diminati dan relevan. Selain daripada Encik Lucas Johnny selaku penyumbang utama, seramai 34 orang individu penggiat filateli dan enam (6) organisasi telah turut serta menyumbang kepada barisan filateli tersebut. Seperti penggiat filateli yang memelihara koleksi mereka supaya sentiasa berkeadaan baik untuk masa hadapan, Pustaka juga beriltizam untuk memastikan khazanah ilmu dan informasi terpelihara melalui aktiviti dan program yang diadakan.

Antara aktiviti lain yang kami anjurkan bagi tujuan ini adalah seperti penerbitan siri Sarawakiana dan penganjuran Pertandingan Warisan Budaya Tempatan yang diadakan setiap tahun sejak tahun 2006. Ianya adalah selaras dengan tanggungjawab yang dikehendaki dalam *Sarawak State Library Ordinance 1999* dan kami ingin terus memastikan khazanah atau warisan rakyat Sarawak khususnya, dan Malaysia umumnya, dipelihara untuk manfaat generasi yang akan datang.

Terima kasih.

Japri Bujang Masli
Pemangku Pegawai Eksekutif
Pustaka Negeri sarawak

COMMEMORATING MIRI MAY FEST 2013 WITH A RECORD FOR THE LONGEST PHILATELY LINE IN MALAYSIA

By Sofina Tan (sofina@sarawak.gov.my)

NON-STOP...The lining-up preparation went on until the evening before the official record measurement was done.

MIRI –Miri City Council (MCC), Pustaka Negeri Sarawak and one of Miri City's avid antique and philatelic collectors – Lucas Johnny joined hands to commemorate the 8th Miri City Day by setting a record for The Longest Philately Line.

The feat to set the record and endorsed into the Malaysia Book of Records (MBR) took place on Saturday, 25th May 2013 at Miri Civic Centre.

Assistant Minister of Communications and Sports Datuk Lee Kim Shin graced and witnessed the event, together with Miri City Mayor Lawrence Lai Yew Son and Acting Chief Executive Officer of Pustaka Negeri Sarawak Japri Haji Bujang Masli.

To achieve the national record of the longest philately line, the organizers needed to line up a minimum of 300 meters in fulfilling the requirement set by MBR. The official measurement and record set was more than double with 696.89 meters!

The objectives of the event were:

- o To enlighten the community that philately or stamp collecting is a valuable hobby;
- o To cultivate interest in stamp collecting amongst the community, especially the younger generation;
- o To increase awareness on philately as a way to record historic events or occasions and heritage values;
- o To bring together and unify philatelists in Miri City as well as giving them the opportunity to meet; and
- o To exchange ideas and knowledge on their common interest – philately

The main or anchor collector who came up with the idea of the record was Lucas Johnny, who has more than 8,000 philatelic items. He was assisted by other philatelic collectors, who have been invited to take part in the historic event.

The feat included postage stamps, first day covers and postcards which were displayed on A3-sized frames and arranged continuously as one (1) unbroken line.

Also present to witness the event were Pustaka Miri's Regional Manager Salina Haji Zawawi, Organizing Chairman of Miri May Fest 2013 Cr. Robert Ayu, Miri City Council's Librarian Teo Wee Leng, MBR officer Zulhairi Md. Zain, heads of Government departments and members of the public.

As to further promote and excite the community for the record attempt, 'Philately Exhibition' was held at Pustaka Miri from 6th May until 9th June 2013.

INTERESTING FACTS ON THE LONGEST PHILATELY LINE RECORD @ 25th MAY 2013

- ☒ It is a new national record.
- ☒ It was the brainchild of Miri's renowned antique collector Lucas Johnny.
- ☒ Preparation started in January 2013.
- ☒ Minimum length required by the Malaysia Book of Records is 300 meters with width of 42 cm (A3-sized block/frame).
- ☒ Official record: 696.89 meters
- ☒ Total of philatelic items used:

o Stamps	: 748 blocks = 23,957 pieces
o First Day Covers	: 761 blocks = 2,283 pieces
o Postcards	: 791 blocks = 2,373 pieces
Total : 2,300 blocks = 28,613 pieces	

☒ Other than Lucas Johnny, the contributors / participants for the record are 34 individuals and six (3) groups. – two (2) from SK Anchi, two (2) from Miri Hospital, one (1) from Sedidik Lembah Hijau and one (1) from Pustaka Miri.

☒ The youngest contributor/participant is four (4) years old (Danisha Athirah Fatin binti Rozailan).



TEDIOUS WORK...The committee members working hard to line up the items.



HELPING HAND...Volunteers assisted with the preparation of the philatelic items.

SAMBUTAN HARI BUKU DAN HAKCIPTA SEDUNIA 2013

Oleh Norassima bt Sitam (norassis@sarawak.gov.my)

Pustaka Negeri Sarawak telah mengadakan Majlis Perasmian Sambutan Hari Buku dan Hakcipta Sedunia 2013 sempena dengan sambutanannya yang jatuh pada 23 April setiap tahun. Perasmian ini telah disempurnakan oleh Ahli Lembaga Pengurusan Pustaka Negeri Sarawak, YBhg. Prof. Dr. Abdul Rahman Deen di Galeri, Pustaka Negeri Sarawak. Seramai 784 orang yang hadir pada majlis sambutan tersebut.

Pelbagai program ilmiah yang berkaitan telah diadakan sepanjang minggu sambutan tersebut. Antaranya ialah, ceramah Hakcipta dalam Penulisan, Bacaan Kegemaran Saya bersama DJ Osha dari Radio ERA Kuching, Bengkel Kaligrafi, Bengkel Sayangi Buku Anda dan Ceramah *Early Childhood Care* oleh Dr. Alex Lu dari Pusat Pakar Perubatan Normah. Di samping itu, Pustaka Negeri Sarawak juga telah menjemput beberapa agensi seperti MyIPO, Kementerian Dalam Negeri Bahagian Kawalan, Penerbitan dan Teks Al-quran, Kolej SATT dan MPH Bookstore untuk mengadakan pameran dan jualan buku.



MERIAH... Tapak pameran dan jualan buku mendapat sambutan menggalakkan daripada orang ramai.



SESI BACAAN KEGEMARAN SAYA... Dj Osha dari ERA.fm berkongsi buku bacaan kegemarannya yang bertajuk "Takdir Itu Milik Aku" kepada para tetamu yang hadir.



SIMBOLIK... YBhg. Prof. Dr. Abdul Rahman Deen menandatangani kek berupa buku sebagai tanda perasmian Sambutan Hari Buku & Hakcipta Sedunia 2013



TAHNIAH... Antara penerima anugerah "Pembaca Aktif Pustaka" yang menerima hadiah dan sijil penghargaan dari Pustaka Negeri Sarawak.

PUSTAKA MIRI TURUT SERTA DALAM PERARAKAN MAULIDUR RASUL 1434H PERINGKAT BAHAGIAN MIRI

Oleh Sofina Tan (sofina@sarawak.gov.my)

MIRI – Seramai 20 orang staf Pustaka Miri telah menyertai Perhimpunan dan Perarakan Maulidur Rasul 1434H Peringkat Bahagian Miri pada 24 Januari 2013.

Diketuai oleh Pengurus Wilayah Salina Haji Zawawi, kontinjen Pustaka Miri berpakaian biru dan ungu, mempamerkan semangat ukhwa selaras dengan tema 'Wasatiyyah Tonggak Kesatuan Ummah'.

Perhimpunan telah berlangsung di perkarangan Dewan Suarah Miri sebelum perarakan bermula. Perarakan tahun ini telah melalui beberapa jalan utama Bandaraya Miri sebelum berakhir di tapak permulaan.



SEMANGAT UKHWAH... Kontinjen Pustaka Miri bergambar kenang-kenangan sebelum perarakan bermula.



PUJI-PUJIAN KE ATAS RASULULLAH S.A.W... Kontinjen sedang berhenti seketika di hadapan Bangunan Mahkamah Miri sebelum meneruskan perjalanan.

Bahagian Perkhidmatan Maklumat anjur Ceramah Kewangan : *Muflis... Adakah Peluang Kedua?*

Oleh Sharifah Seria Wan Razali (shariswr@sarawak.gov.my)



TERIMA KASIH... Pn. Hayati Sabli menyerahkan cenderahati kepada En. Talip Bin Mohammad selaku penceramah jemputan sebagai tanda penghargaan daripada Pustaka Negeri Sarawak.



BERMINAT... Auditorium, Pustaka dipenuhi dengan para tetamu yang hadir ke ceramah kewangan.

BERPENGALAMAN... Pn. Zarina Yaacob turut berkongsi maklumat mengenai faktor-faktor yang menyebabkan muflis di kalangan rakyat Malaysia.



Pada 15 Mei 2013 yang lalu, Bahagian Perkhidmatan Maklumat telah mengadakan Ceramah Kewangan: Muflis... Adakah Peluang Kedua? di Auditorium, Pustaka Negeri Sarawak. Ceramah ini telah dihadiri seramai 257 orang jemputan yang terdiri daripada kakitangan awam dan swasta. Sesi ceramah ini telah disampaikan oleh dua (2) orang penceramah jemputan dari Jabatan Insolvency Negeri Cawangan Sarawak. Penceramah tersebut adalah Puan Zarina Yaacob, Pengarah Insolvency Negeri Cawangan Sarawak dan Encik Talip bin Mohammad, Penolong Pengarah Insolvency Negeri Cawangan Sarawak.

Melalui sesi ceramah ini, para jemputan telah diterangkan secara terperinci mengenai faktor-faktor yang boleh menyebabkan seseorang diisytiharkan sebagai muflis. Selain itu, para jemputan juga telah didedahkan dengan langkah yang seharusnya diambil oleh seseorang setelah diisytiharkan muflis bagi memastikan seseorang tersebut dapat mengeluarkan diri mereka daripada status muflis. Sesi ceramah ini amat bermanfaat apabila penceramah turut menekankan bahawa peranan Jabatan Insolvency adalah untuk membantu seseorang daripada terus dibelenggu dengan masalah muflis.

Hampir semua para jemputan telah memberi maklum balas yang positif mengenai sesi ceramah ini dan berharap agar Pustaka Negeri Sarawak akan sentiasa menggiatkan pelbagai aktiviti yang bermanfaat untuk masyarakat sekitar Kuching khususnya.

Pustaka Negeri Sarawak telah mengadakan Program Lan Berambeh yang diadakan di Kampung Melayu Tebakang pada 8 – 9 Jun 2013 yang lalu. Program ini telah diadakan dengan julung kalinya di kampung tersebut dengan kerjasama daripada Jawatankuasa Kampung Melayu Tebakang dan Danawa Resources Sendirian Berhad. Objektif program seperti ini diadakan adalah untuk memberi hebahan kepada masyarakat tempatan tentang perkhidmatan dan aktiviti ilmiah yang ditawarkan oleh Pustaka Negeri Sarawak di samping memberi kesedaran kepada masyarakat peranan Pustaka sebagai perpustakaan yang boleh dirujuk oleh semua peringkat umur. Sasaran program ini terbuka kepada semua penduduk kampung dari pelbagai lapisan usia.

Sepanjang dua (2) hari program diadakan pelbagai aktiviti yang diadakan oleh Pustaka dan Danawa Resources. Antaranya seperti Sesi Literasi Maklumat, Taklimat Perkhidmatan Pustaka dan u-Pustaka, Born to Read, Perkhemahan Ilmu, Pertandingan Membaca Warga Emas, Sukaneka Keluarga, Aktiviti Kanak-kanak, Movie Under The Stars dan Bengkel ICT untuk warga emas dan pelajar.

Program ini telah mencapai objektifnya apabila masyarakat luar bandar telah didedahkan mengenai peranan sebenar Pustaka sebagai sebuah gedung ilmu yang boleh diakses dan digunakan oleh semua lapisan masyarakat di Sarawak. Di samping itu, program ini juga telah berjaya memupuk semangat kemasyarakatan dengan adanya kerjasama yang baik di antara pihak Pustaka, Danawa Resources Sdn. Bhd. dan penduduk Kampung Melayu Tebakang sendiri.

Penutupan program Lan Berambeh ini telah disempurnakan oleh Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Pustaka Negeri Sarawak, Encik Japri Bujang Masli pada 9 Jun 2013 di Dewan Masyarakat Kampung Melayu Tebakang.

PROGRAM LAN BERAMBEH DI KAMPUNG MELAYU TEBAKANG

Oleh Norassima bt Sitam (norassis@sarawak.gov.my)

GEMBIRA... Para wanita kampung Melayu Tebakang turut tidak melepaskan peluang untuk menghadiri sesi taklimat "Born To Read" anjuran Pustaka.

TIDAK BERPUTUSASA...

Para peserta Perkhemahan Ilmu bersemangat untuk menjawab soalan kuiz permainan "Snake & Ladder".

NOSTALGIA... Tayangan filem legenda P. Ramlee "Seniman Pendekar Bujang Lapok" telah menarik perhatian para penduduk kampung untuk datang pada malam layangannya.

AMALAN HIDUP SIHAT... Sesi senamrobik yang dianjurkan untuk penduduk kampung mendapat sambutan yang menggalakkan.

BAKAT TERPENDAM... Salah seorang peserta mencuba bakat di dalam Pertandingan Membaca Warga Emas.

PUSTAKA MIRI'S 'LAN BERAMBEH' PROGRAM AT RH. JAREK, LAMBIR

By Sofina Tan (sofina@sarawak.gov.my)

MIRI – Pustaka Miri, with the collaboration with Miri Local Agenda 21 (LA21) and several other agencies, organized a 'Lan Berambeh' Program at Rh. Jarek, Lambir on 16th March 2013.

The whole-day program was filled with fun and educational activities including talks on education, environment, health and information. There were also a movie screening, lucky draw sessions and competitions for children – 'Love Our Nature' Coloring Contest and 3R Kumang Keling Competition. At the same time, a membership drive for the library was held.

Among the agencies involved were National Youth Skill Training Institute (IKBN) Miri, Sarawak Rivers Board, Sarawak Health Department, Natural Resources and Environment Board (NREB) and Miri LA21 River Pollution Control Working Committee.

The main purpose of the program was to reach out the community with knowledge-sharing and lifelong learning activities that include green initiatives, dengue prevention, literacy skills and educational opportunity.

Some 150 occupants of Rh. Jarek and villagers around Kampung TuanKu Abdul Rahman, Lambir benefited from the program.

Member of Parliament for Sibuti YB Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang officially closed the program and it was witnessed by Penghulu Randi ak. Elon, Tuai Rumah Jarek ak. Klambu and Pustaka Miri's Regional Manager Hajah Salina Haji Zawawi.



Bengkel Seni Kaligrafi Arab sempena Sambutan Hari Buku dan Hakcipta Sedunia 2013

Oleh Norassima bt Sitam (norassis@sarawak.gov.my)

Seni kaligrafi Islam atau Arab atau lebih sinonim dengan nama 'seni khat' merupakan khazanah tertua di dunia yang masih dimiliki oleh umat Islam. Perkembangan Islam yang tersebar ke seluruh pelusok dunia, menyaksikan kaligrafi Islam telah diadaptasi dengan perubahan yang berlaku tanpa menghilangkan ciri dan nilai keislamannya. Keistimewaan sistem tulisan Arab ini menjadi penentu ciri kesenian Islam yang melampaui batasan dan sempadan. Penulisan Khat yang pertama di dunia dipercayai dihasilkan di Kufah, Iraq dalam kurun ketujuh (7).

Menurut Dr Venetia Porter, Kurator Muzium British yang juga seorang pengkaji kesenian Islam menyatakan, tulisan merupakan antara elemen terpenting untuk menyampaikan sesuatu maksud sebagai gambaran pelbagai kejadian yang berlaku. Alam Melayu juga tidak terkecuali menyerap unsur ini sebagai asas pembelajaran tulisan Jawi, yang kemudiannya dipertingkatkan dengan sistem tulisan khat yang lain.

Sehubungan dengan itu, bersempena dengan Sambutan Hari Buku dan Hakcipta Sedunia 2013, satu Bengkel Seni Kaligrafi Arab telah diadakan pada 24 April 2013 bertempat di Bilik Seminar 1 & 2, Pustaka Negeri Sarawak. Bengkel ini telah disertai oleh 30 orang peserta. Fasilitator bengkel adalah seorang penggiat di dalam bidang seni tulisan Khat iaitu Cik Intan Nur Hafeezah Binti Sahit. Objektif utama bengkel ini diadakan adalah untuk menyemai minat dan memperkenalkan kesenian dan kebudayaan Islam kepada masyarakat.



Bengkel Seni Kaligrafi Arab : 24 April 2013 / Affizan

Sepanjang bengkel ini, para peserta telah diperkenalkan dengan Khat Thulus. Khat thulus merupakan khat yang paling indah, cantik dan paling sukar untuk di tulis. Khat Thulus kebanyakannya hanya untuk hiasan. Thulus bermaksud satu pertiga (1/3). Ianya dinamakan Khat Thulus adalah kerana huruf menegaknya ditulis dengan mata pena dengan ukuran lebar menyamai satu pertiga (1/3) lebar mata pen. Ia juga dikenali sebagai Khat Arab kerana peranannya sebagai sumber asasi pelbagai khat Arab yang lahir selepas Khat Kufi. Khat ini dikenali sebagai Ummul Khutut (Ibu tulisan) dan jarang digunakan dalam penyalinan Al-Quran lengkap kerana mempunyai banyak kaedah untuk menentukan ukurannya dengan bilangan titik yang sesuai pada setiap huruf adalah agak rumit kerana memerlukan kemahiran yang tinggi untuk menuliskannya. Biasanya struktur Thulus dilakukan dalam bentuk lurus, empat segi, bulat, bujur telur.

SPELLING WIZARD CHALLENGE 2013

Oleh Norlailawaty Ismail (norlai2@sarawak.gov.my)

"Spelling Wizard Challenge 2013" merupakan salah satu program tahunan yang dianjurkan oleh Pustaka Negeri Sarawak khusus untuk para pelajar sekolah rendah yang berumur 10 hingga 12 tahun. Bagi tahun 2013, pertandingan ini diadakan pada 12 Jun 2013 bertempat di Auditorium, Pustaka Negeri Sarawak dan terbuka kepada semua pelajar sekolah rendah kerajaan yang dijemput sahaja di sekitar Bandaraya Kuching dan Samarahan.

Tujuan utama pertandingan ini diadakan adalah untuk membantu penguasaan Bahasa Inggeris serta menerapkan nilai pembelajaran sepanjang hayat di dalam diri kanak-kanak.

Pertandingan ini telah disertai oleh 18 orang peserta yang mewakili sekolah masing-masing. Majlis penyampaian hadiah bagi pertandingan ini telah disempurnakan oleh Puan Norassima Sitam, Ketua Bahagian Perkhidmatan Maklumat, Pustaka Negeri Sarawak.

Johan pertandingan ini telah dimenangi oleh adik Marilyn Naneque Ongkir dari SK St Mary, tempat kedua dimenangi oleh adik Tejbir Kaur Jasbir Singh dari SK Mejar Jeneral Dato Ibrahim dan tempat ketiga pula dimenangi oleh Keith Wong Poh Teck dari SK St Joseph.



Spelling Wizard Challenge : 12 Jun 2013 / Affizan

Para pemenang bergambar kenangan bersama hakim dan penganjur. Dari kiri... Christopher Tan Yu Han (Hakim 1), pemenang tempat ketiga Keith Wong Poh Teck (SK St Joseph), johan pertandingan, Marilyn Naneque Ongkir (SK St Mary), pemenang tempat kedua Tejbir Kaur Jasbir Singh (SK Mejar Jeneral Dato Ibrahim), Puan Norassima Sitam, Ketua Bahagian Perkhidmatan Maklumat, Pustaka Negeri Sarawak dan Cik Emisa Marzuki (Hakim 2)



BERMINAT... Antara para pengunjung yang datang untuk mengetahui perkhidmatan yang ditawarkan oleh Pustaka.

APAKAH SOALANNYA? ...Peserta turut diajukan dengan soalan uji minda dalam permainan Snake & Ladder.

TAHNIHAH... Para pelajar yang berjaya menjawab soalan kuiz berpeluang memenangi hadiah menarik dari Pustaka.

SAMBUTAN MENGGALAKKAN DI TAPAK PAMERAN PUSTAKA SEMPENA HARI HARTA INTELEK NEGARA 2013

Oleh Alya Faeqah Hamali (alyafh@sarawak.gov.my)

Kuching – Pada 13 -15 Jun 2013 yang lalu, Pustaka Negeri Sarawak telah menyertai program pameran Hari Harta Intelek Negara 2013 yang bertempat di Melaka International Trade Centre (MITC). Tahun ini merupakan tahun ketiga (3) Pustaka Negeri Sarawak menyertai program pameran Hari Harta Intelek Negara anjuran Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO). Pameran ini telah dibuka untuk kunjungan orang awam bermula pada pukul 9 pagi hingga 6 petang.

Sambutan Hari Harta Intelek kali ke-9 ini telah dilancarkan oleh YB Dato Hasan bin Malek, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Sambutan yang bertemakan "Transformasi Negara Melalui Harta Intelek" diadakan untuk memupuk kesedaran serta mempertingkatkan kefahaman masyarakat berkaitan perlindungan harta intelek selain bertujuan untuk memartabatkan sistem harta intelek agar lebih produktif, berwawasan, berdaya saing dan bertaraf antarabangsa.

Pada tahun ini, Pustaka Negeri Sarawak sekali lagi telah menentengahkan koleksi Siri Sarawakiana terbaru selain mempromosikan perkhidmatan Pustaka dan u-Pustaka, mengadakan permainan berbentuk pendidikan 'Snake & Ladder' dan kuiz perkhidmatan Pustaka kepada pengunjung yang datang ke tapak pameran. Seramai 186 orang pengunjung telah melawat ke tapak pameran Pustaka dan menyertai aktiviti anjuran Pustaka. Ternyata mereka yang bertandang ke tapak pameran Pustaka amat menggemari permainan 'Snake & Ladder' dan juga kuiz perkhidmatan Pustaka. Penyertaan orang awam dari pelbagai lapisan umur daripada golongan kanak-kanak, pelajar dan orang dewasa secara

tidak langsung telah memeriahkan tapak pameran Pustaka sepanjang tiga (3) hari program tersebut diadakan. Mereka yang memenangi permainan 'Snake & Ladder' dan menyertai kuiz perkhidmatan Pustaka berpeluang membawa balik hadiah eksklusif dari Pustaka Negeri Sarawak.

Selain Pustaka Negeri Sarawak, agensi kerajaan negeri Sarawak seperti Unit Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICTU) Jabatan Ketua Menteri, Pusat Biodiversiti Sarawak, Jabatan Tanah & Survei cawangan Sarawak, Jabatan Pertanian dan beberapa agensi kerajaan yang lain juga telah turut serta dalam pameran ini.

Pelbagai aktiviti sampingan telah diadakan sepanjang program berlangsung seperti Larian Harta Intelek (IP Run) di padang MITC, Pencarian Harta Karun yang diadakan di Dataran Sejarah, Air Keroh, Konsert Harta Intelek di Dataran Pahlawan, Pertandingan Bintang Retro, Gameshow, Pertandingan Pidato, Forum Perdana, Kuiz dan Cabutan Bertuah.

Sambutan Hari Harta Intelek Negara ini juga telah memberi peluang kepada individu dan syarikat syarikat tempatan, khususnya Industri Kecil dan Sederhana (IKS) untuk memperkenalkan serta mempromosi produk mereka yang memiliki harta intelek seperti cap dagang, paten, reka bentuk perindustrian, hak cipta serta petunjuk geografi.

Pustaka Negeri Sarawak mengucapkan terima kasih di atas respon dan sokongan yang menggalakkan dari penduduk Melaka yang datang ke tapak pameran Pustaka.

BEGINI CARANYA... Para pelajar tekun mendengar peraturan permainan Snake & Ladder dari pustakawan Pustaka.

KUIZ PUSTAKA. Pengunjung yang datang mengisi kuiz perkhidmatan Pustaka.

TAHNIHAH... Antara pemenang permainan Snake & Ladder.

MENCUBA NASIB... Golongan dewasa turut tidak melepaskan peluang untuk menyertai permainan Snake & Ladder.



Ceramah "Early Childhood Care" sempena Sambutan Hari Buku dan Hakcipta Sedunia 2013

Oleh Norlailawaty Ismail (norlaili2@sarawak.gov.my)



Ceramah "Early Childhood Care" : 25 April 2013 / Aftizan

KHUSYUK... Peserta yang hadir khusyuk mendengar maklumat mengenai penjagaan awal kanak-kanak.



Ceramah "Early Childhood Care" : 25 April 2013 / Aftizan

BERPENGALAMAN... Dr Alex sedang rancak berkongsi maklumat kepada para tetamu yang hadir.

Dalam usaha untuk membolehkan kanak-kanak berkembang secara holistik dan dilengkapi dengan kebolehan, ilmu dan kemahiran untuk menjadi seorang yang inovatif dan kreatif, penjagaan awal kanak-kanak memainkan peranan dan fungsi penting dalam perkembangan kanak-kanak tersebut.

Sehubungan dengan itu, satu ceramah bertajuk "Early Childhood Care" oleh Dr Alex Lu Yieng Lung dari Pusat Pakar Perubatan Normah telah diadakan pada 25 April 2013 bersempena Sambutan Hari Buku dan Hakcipta Sedunia 2013 bertempat di Auditorium, Pustaka Negeri Sarawak. Ceramah yang telah dihadiri oleh 139 orang peserta ini bertujuan untuk membekalkan info mengenai penjagaan awal kanak-kanak kepada masyarakat.

Ceramah yang berlangsung selama dua (2) jam ini dihadiri oleh para ibubapa, guru, pengasuh dan pengurus pusat jagaan kanak-kanak serta mereka yang berminat untuk mengetahui mengenai penjagaan awal kanak-kanak. Semasa ceramah Dr Alex telah mengupas secara ringkas mengenai isu dan tip yang berkaitan dengan penjagaan awal kanak-kanak. Dalam hal ini, ibubapa harus peka dalam mengurus pemakanan bayi dan kanak-kanak kerana nutrien yang mencukupi dapat membantu pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak. Penjagaan kesihatan dan kebersihan persekitaran juga harus dititikberatkan oleh penjaga.

Ceramah ini telah diakhiri dengan sesi penyampaian cenderamata sebagai tanda penghargaan dari Pustaka Negeri Sarawak kepada Dr Alex Lu Yieng Lung oleh Puan Hayati Haji Sabil, Ketua Sektor Perkhidmatan Perpustakaan, Pustaka Negeri Sarawak.



'SCIENCE, MATHEMATICS AND TECHNOLOGY WEEK' AT PUSTAKA MIRI

By Sofina Tan (sofina@sarawak.gov.my)

USING LOGIC & FORMULATION...
The team from Kolej Tun Datu Tuanku Haji Bujang building the bridge using stay sticks and masking tape during the 'Build & Break' Challenge.



CONGRATULATIONS...
One of the 'Pantas Congak' winners receiving his prize from Pustaka Miri's Regional Manager Salina Haji Zawawi.

MIRI – For students and children, Pustaka Miri held its annual **Science, Mathematics and Technology Week** from 22nd to 26th April 2013.

Themed 'Creativity Empowers Innovation', it saw many interesting and fun activities held throughout the week.

On the first day, a motivational talk was held especially for primary school pupils who will be sitting for UPSR this year. The talk was titled 'Success Formula for Science and Mathematics Subjects' and took place in the Auditorium. It was facilitated by experienced teachers Ngui Hwa Am (Science Subject) and Lily Wong Mee Houng (Mathematics Subject).

In conjunction with World Book Day, an exhibition on 'The Evolution of Books' was also held in the library's Multimedia Galeri™ while a 'Mobile Storytelling' session was held at Tadika Perpaduan Kampung Pangkalan Lutong.

Three (3) competitions were held from 24th to 26th April 2013 and they were respectively Spelling Bee (for lower secondary students), Speed Calculation or 'Pantas Congak' (for upper primary pupils) and Build-And-Break (for upper secondary students).

Miri City Council's Local Agenda 21 (LA21) also assisted in conducting a 3R workshop on 'Making Soap from Used Cooking Oil' on Thursday, 25th April 2013 at 2:00pm in the library's Multipurpose Room.

The main objective of the whole event was to encourage the younger generation to appreciate and love these subjects which are equally important in school. It was part of the library's effort to instill interest amongst the community members of knowledge-sharing and lifelong learning.

List of winners:

Spelling Bee


Champion : Eleazar Lejau Philip
SMK Chung Hua
1st Runner-up : Billy Anak Leo
Kolej Tun Datu Tuanku Haji Bujang
2nd Runner-up : Christian Joey Young
SMK Luak

Speed Calculation / Pantas Congak

Champion : Eugene Jong
SK St. Joseph Miri
1st Runner-up : Mohd. Izzat Khan bin Mohd. Udzair
SK Anchi
2nd Runner-up: Kevin Yok
SJK (C) Chung Hua Tudan

Build & Break Competition

Champion : SMK Luak Team A
1st Runner-up : SMK Sains Miri Team A
2nd Runner-up : SMK Sains Miri Team B



EASY AS 1-2-3...
Motivational talk on 'Success Formula for Science and Mathematics'.



FULL ATTENTION...
The pupils of Tadika Perpaduan Kampung Pangkalan Lutong listening to storyteller Mohd. Nizam.



Nama :

Mohd. Hafisamri bin Sidi Ahmad

Jawatan :

Pengawal Keselamatan Gred KP11

Bahagian/Sektor :

Pengurusan Bangunan / Sektor Pengurusan Korporat

Tarikh Mula Melapor : 15 Mei 2013



Nama :

Mohd. Ariffullah Bin Daim

Jawatan :

Pengawal Keselamatan Gred KP11

Bahagian/Sektor :

Pengurusan Bangunan / Sektor Pengurusan Korporat

Tarikh Mula Melapor : 15 Mei 2013

STAFF NEWS
NEW
STAFF



CONGRATULATIONS

On your new born



STAFF NEWS



Nama Staf (Ibu)
Sunny Safrina Patrick Jitam
Jawatan/Sektor
Pembantu Perpustakaan/Sektor Perkhidmatan Perpustakaan
Nama Anak
Awang Mohamad Dzakwan B. Awang Mohamad Razif
Tarikh Lahir
25 Februari 2013



Nama Staf (Ibu)
Afiza Ibrahim
Jawatan/Sektor
Setiausaha Pejabat/Sektor
Pengurusan Korporat
Nama Anak
Allysha Joe Binti Adam Joe
Tarikh Lahir
19 Mac 2013



Nama Staf (Ibu)
Georgiana Usun Jok
Jawatan/Sektor
Pembantu Perpustakaan/Sektor Perkhidmatan Perpustakaan
Nama Anak
Larry Jeromy Lenjau
Tarikh Lahir
17 Mei 2013



Nama Staf (Ibu)
Azriana Enna Bong
Jawatan/Sektor
Penolong Akauntan/Sektor Pengurusan Korporat
Nama Anak
Dhiya Alyssa Bt. Suhardi
Tarikh Lahir
5 Mei 2013



Nama Staf (Bapa)
Kaberi Sinau
Jawatan/Sektor
Juruteknik ICT SAINS
Nama Anak
Louis Lani Anak Kaberi
Tarikh Lahir
16 Jun 2013



Nama Staf (Bapa)
Mohd. Rasyeddin Abdul Karim
Jawatan/Sektor
Juruteknik, Sektor Teknologi Maklumat dan Komunikasi
Nama Anak
Sarah Saffiya Bt Mohamad Rasyeddin
Tarikh Lahir
8 Jun 2013



Listing of visits to **PUSTAKA NEGERI SARAWAK**

APRIL 2013

- 11 | Sekolah Rendah Lodge
- 26 | Jabatan Perkhidmatan Awam & Suruhanjaya Persekutuan Sarawak
- 30 | SK Tabuan Hilir

MEI 2013

- 26 | SMK Deshon, Sibu

JUN 2013

- 22 | SK Sungai Bulu Senangeh, Kota Samarahan



Listing of visits to **PUSTAKA MIRI**

MEI 2013

- 2 | Lighthouse Education, Miri
- 11 | Politeknik Kota Kinabalu, Sabah

JUNE 2013

- 19 | SK Batu Niah, Miri
- 22 | SMK Agama Sibul
- 29 | K Long Laput, Baram

